

**Jentera Khas Untuk Beri Penerangan Mengenai Raja-raja Perlu Diwujudkan, Kata Wanita Umno
Bernama
30 November, 2011**

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Seorang wakil Wanita Umno mencadangkan supaya satu jentera khas ditubuhkan untuk memberi penerangan mengenai peranan dan fungsi institusi raja-raja kepada rakyat, bagi mengelak mereka terpedaya dengan dakwah pihak tertentu.

Ketua Wanita Umno Arau Datuk Mastika Junaidah Hussin berkata penerangan secara menyeluruh amat perlu bagi menangkis usaha pihak terbabit yang sengaja mempersoalkan institusi berkenaan.

"Kita (Wanita Umno) sebagai orang Melayu amat sedih apabila ada pihak jahat termasuk orang Melayu sendiri yang sanggup mencemarkan kemuliaan institusi itu," katanya ketika mencadangkan usul Pendidikan, Agama dan Sosial pada Perhimpunan Agung Wanita Umno 2011, di sini hari Rabu.

Mastika berkata Umno sebagai parti yang bertunjangkan konsep 'Ketuanan Melayu' sewajarnya terus mempertahankan institusi raja yang menjadi "payung negara" menaungi rakyat pelbagai kaum dan anutan agama.

Beliau turut mencadangkan agar Majlis Agama Islam di setiap negeri ditukar kepada Dewan Pentadbiran Islam dalam usaha mengangkat martabat Islam. Katanya langkah itu bukan sahaja untuk mengangkat martabat Islam, malah dapat menaik taraf sosio ekonomi dan kehidupan orang Islam.

Usul lain yang dikemukakan Mastika termasuklah meminta kerajaan memperkasa Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara untuk mengatasi isu-isu kekeluargaan.

Pembentangan usul disokong Naib Ketua Wanita Jempol, Hasnah M.Mohamed.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=630958>